

21/03/2003

PM dijangka pengerusikan mesyuarat MT Umno

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba daripada lawatan ke Brazil di sini pagi ini, dijangka mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno petang ini.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, berkata Perdana Menteri cuma bercuti daripada jawatan dalam kerajaan selama dua bulan, tetapi tidak bercuti daripada jawatan dalam parti.

"Bagaimanapun, setakat hari ini (semalam) belum dapat disahkan sama ada

Dr Mahathir sendiri akan mempengerusikan mesyuarat MT Umno itu atau Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ini adalah mesyuarat biasa dan kemungkinan besar ahli MT diberi taklimat mengenai kesan perang ke atas Iraq kepada Malaysia," katanya.

Dr Mahathir yang masih bercuti dijangka tiba bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

(KLIA) pagi ini, bagi menyaksikan perlumbaan Formula 1 Petronas Malaysian

Grand Prix di Sepang Ahad ini.

Sumber lain pula berkata, soal sama ada Dr Mahathir atau Abdullah mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat Umno di Menara Dato Onn, Pusat

Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang ini, akan diputuskan pagi ini.

Abdullah adalah Pemangku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sejak Dr Mahathir bercuti mulai 4 Mac lalu setelah menghadiri Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar, sehingga 4 Mei ini.

Kelmarin, Dr Mahathir mengakhiri lawatan tiga hari ke Brazil dan Sao Paulo atas jemputan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva dalam usaha

meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Ini adalah kunjungan ketiga beliau ke Brazil. Lawatan rasmi pertamanya pada 1991 dan kedua ketika menghadiri Sidang Kemuncak Rio pada 1992.

Ketika lawatan itu, Dr Mahathir dan rombongan turut melawat syarikat pengeluar pesawat, Embraer dan sebuah syarikat yang terbabit membekalkan senjata dan peralatan ketenteraan, Avibras Aeroespacial, kedua-dua di San

Jose, dekat Sao Paulo.

Embraer yang ditubuhkan pada 1969 adalah di antara empat syarikat pengeluar pesawat terbesar dunia yang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun

dalam mereka bentuk, mengeluarkan dan menjual pesawat untuk tujuan komersial

dan pertahanan.

Brazil kekal sebagai rakan dagang Malaysia yang terbesar di Amerika Selatan dengan dagangan dua hala menunjukkan peningkatan daripada AS\$514 juta (RM1.95 bilion) pada 2001 kepada AS\$639 juta (RM2.43 bilion) tahun lalu.

Sebelum ke Brazil, Dr Mahathir dan isteri bercuti di Manaus, pusat percutian hutan tropika di Amazon yang terkenal dengan pertemuan dua sungai iaitu Rio Negro dan Rio Solimoes yang mewujudkan Sungai Amazon.